

I

MAJLIS UGAMA ISLAM

Ugama bagi negeri ialah ugama Islam Ahli Sunnah Waljamaah seperti yang telah diamalkan oleh orang-orang yang memeluknya di mana-mana tempat pun didalam negeri, akan tetapi mereka hendaklah mengamalkannya dengan aman.<sup>1</sup> Ketua ugama bagi negeri ialah Raja, dan Raja boleh memerintah dengan tujuan mengatur dan menubuhkan sebuah majlis yang dinamakan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu bagi membantu dan menasihati Baginda didalam segala perkara yang berkaitan dengan ugama negeri dan adat istiadat Melayu.<sup>2</sup>

Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, pertama sekali ditubuhkan pada tahun 1949 dibawah Undang-Undang Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Tahun 1949. Ketika itu Majlis ini bertempat di Arau. Kemudiannya Raja Pemerintah telah menetapkan 1hb. November sebagai tarikh kuatkuasa Enakmen Pentadbiran Ugama Islam, Perlis. Enakmen ini telah membatalkan undang-undang yang berkuatkuasa sebelumnya, mengikut s. 136<sup>3</sup>. Ia telah mengujudkan Majlis Ugama Islam dan

---

<sup>1</sup>Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis (Pindaan), 1963, s. 5(1).

<sup>2</sup>Ibid., s. 6(1).

<sup>3</sup>Enakmen, Jadual Ketiga.

Adat Istiadat Melayu Perlis untuk menasihatkan Baginda Raja mengenai perkara-perkara berhubung dengan Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu. Pada tahun 1966, pejabat Majlis ini telah dipindahkan ke Kangar dan ditempatkan di Bangunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam, Perlis.

Disini eloklah dijelaskan perhubungan atau perbezaan diantara Majlis Ugama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam. Tugas Majlis ialah bersangkutan dengan Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu, umpamanya menentukan apakah hukum-hukum Syarak dan Adat Istiadat Melayu yang harus diikuti oleh orang-orang Islam di Perlis. Sebaliknya, tugas atau kewajipan Jabatan ialah mentadbir dan menguatkuasakan perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis. Oleh yang demikian, kedua-dua badan ini bekerjarapat diantara satu sama lain, walaupun Majlis dan Jabatan adalah dua badan yang berasingan. Ahli-ahli Majlis dilantik oleh Raja Pemerintah, sementara pegawai-pegawai Jabatan dilantik oleh Kerajaan Negeri. Ahli-ahli Majlis terdiri daripada Yang Di Pertuan, Setiausaha, Jawatankuasa Syariah, Mufti, Kadi dan Penulung Kadi. Jawatankuasa Ulangbicara dan Pendaftar dan Timbalan Pendaftar Pernikahan dan Penceraian orang-orang Islam.<sup>4</sup>

Disamping itu, semenjak tahun 1964, Jabatan Zakat dan Fitrah

---

<sup>4</sup>Lihat Rajah 1.

telah diletakkan dibawah Pentadbiran Majlis mengikut peruntukan Enakmen. Jabatan ini mempunyai pegawai-pegawainya sendiri yang dikenali sebagai Jawatankuasa Zakat dan Fitrah untuk menguruskan kerja-kerja mengenai Zakat dan Fitrah 1950<sup>5</sup>

Satu perkara yang kurang memuaskan ialah ahli-ahli Majlis ini kecuali dari bahagian kehakiman adalah tidak tetap didalam jawatan-jawatan masing-masing. Yang Di Pertuan adalah seorang pegawai Kerajaan yang telah bersara dan ia bekerja secara kontrek dengan Majlis. Bagi jawatan Setiausaha, yang ada hanya Pemangku Setiausaha, yang dipegang oleh seorang pegawai kerani dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam. Hanya Jabatan Zakat dan Fitrah sahaja yang mempunyai pegawai yang tetap. Dibahagian kehakiman pula, Majlis hanya mempunyai seorang Kadi saja untuk seluruh Perlis dan hanya pada bulan Januari 1976 baharulah seorang Penulung Kadi dilantik. Mengenai jawatan Mufti, Majlis hanya mempunyai seorang Pemangku Mufti.

Disebabkan oleh keadaan yang demikian, tugas-tugas Majlis tidak dapat dijalankan dengan baiknya. Masalah ini berpunca dari keadaan kewangan Majlis. Oleh itu pegawai-pegawai yang tetap dan berkeleyakan tidak dapat diadakan. Untuk mendapatkan wang bantuan dari kerajaan

---

<sup>5</sup>Peraturan Zakat dan Fitrah, 1950. s. 2.

negeri, ini satu perkara yang agak mustahil. Kerajaan negeri sendiri berada didalam keadaan yang sama. Umpamanya, pada tahun 1974, wang caruman yang diberi hanya sebanyak lima ribu ringgit sahaja.<sup>6</sup>

#### KEWANGAN MAJLIS

Majlis mempunyai kuasa untuk menubuhkan dan mentadbirkan wang khairat am<sup>7</sup> yang mengandungi;

(a) Sekelian wang Baitul Mal yang dikutip dibawah Undang-Undang Pentadbiran Harta Pesaka Tahun 1338 H.

(b) Pendapatan tiap-tiap wakaf (dikecualikan wakaf khas) dan tiap-tiap nazar am;

(c) Harta simati yang dibayar kepada Baitul Mal; dan

(d) Lain-lain harta benda.<sup>8</sup>

Mengenai wakaf, apa yang ada hanyalah wakaf untuk tapak-tapak masjid, kubur dan madrasah. Tidak ada wakaf atau nazar am yang dibuat keatas harta-harta yang bernilai tinggi seperti tanah yang luas atau

---

<sup>6</sup>Laporan Tahunan Jabatan bagi tahun 1974.

<sup>7</sup>Enakmen, s. 63(2).

<sup>8</sup>Ibid., s. 63(2).

rumah, kedai dan lain-lain bangunan<sup>9</sup> Ini mungkin disebabkan cara kehidupan di Perlis dimana tanah adalah penting bagi mereka untuk menanam padi, terutamanya orang-orang Melayu. Tanpa tanah hidup mereka tidak terjamin. Mereka tidak mahu mewakafkan tanah-tanah yang mereka miliki. Oleh yang demikian sumber pendapatan dari harta wakaf tidak ada.

Walaubagaimana pun pihak Majlis memiliki beberapa bidang tanah yang diperolehi mengikut Baitul Mal. Menurut Setiausaha Majlis tanah-tanah ini tidak seberapa banyak, dan disewakan kepada keluarga-keluarga tuan punya yang asal.<sup>10</sup> Dari segi pentadbiran, keadaannya tidaklah memuaskan kerana kebanyakan dari tanah-tanah itu tidak luas dan lagi pun letaknya jauh diantara satu sama lain. Ini menyebabkan segala rancangan-rancangan untuk mengadakan projek-projek pembangunan diatas tanah-tanah tersebut tidak menguntungkan. Harta-harta ini diletakkan dibawah pengawasan bahagian Zakat dan Fitrah. Oleh kerana kekurangan pegawai-pegawai untuk mentadbirnya, umpamanya tidak ada pegawai pemeriksa Zakat, jadi mengikut Setiausaha ada setengah-setengah daripada penyewa yang tidak membayar sewa keatas harta-harta Baitul Mal itu.

Baru-baru ini ada ura-ura hendak membina bangunan-bangunan

---

<sup>9</sup>Butir-butir ini diberi oleh Setiausaha Majlis.

<sup>10</sup>Butir-butir yang lengkap tidak dapat diperolehi.

untuk dijadikan kedai diatas tanah-tanah Baitul Mal yang terletak di-kawasan Kangar. Cadangan ini telah terpaksa dibatalkan pada akhirnya kerana masaalah modal dan pekerja-pekerja mahir. Walaupun pihak Majlis boleh meminjam modal dari badan-badan tertentu, tetapi masaalah pembayaran pula yang timbul. Ini kerana pinjaman itu terpaksa dibayar balik didalam masa yang ditetapkan dan jika wang bayarannya diharapkan dari kutipan sewa sahaja maka ianya tidak dapat dilakukan didalam masa yang ditetapkan. Satu lagi pilihan ialah dengan menjualkan bangunan-bangunan itu, tetapi ini mengakibatkan Majlis akan kehilangan hakmilk tanah-tanah itu.

#### CADANGAN

##### Baitul Mal

Pihak Majlis hendaklah menubuhkan satu jawatankuasa untuk membuat kajian dan lapuran yang lengkap dan mendalam mengenai harta-harta Baitul Mal, misalnya tempat letaknya dan luasnya. Setelah selesai kajian dibuat maka tanah-tanah yang letaknya jauh dari kawasan Kangar dan yang letak dikawasan pendalaman, hendaklah dijual kembali kepada saudara-mara pemilik yang asal dengan harga yang berpatutan. Adalah tidak menguntungkan untuk melaksanakan projek-projek tertentu diatas kawasan-kawasan seperti ini. Bagi tanah-tanah yang berhampiran dengan kawasan Kangar dan pekan-pekan lain, dimana peluang mendapatkan untung

dari pelaksanaan projek-projek adalah baik, maka projek-projek hendaklah dibuat keatas tanah-tanah itu. Ini kerana pihak Majlis diberi kuasa untuk berbuat demikian.<sup>11</sup>

#### Kutipan Zakat dan Fitrah.

Dibawah Enakmen ada peruntukan yang dibuat mengenai kutipan Zakat dan Fitrah.<sup>12</sup> Sebenarnya peraturan-peraturan kutipan Zakat dan Fitrah ini dibuat berdasarkan Peraturan Zakat dan Fitrah 1949. Sebuah Jawatankuasa yang dipanggil jawatankuasa Zakat dan Fitrah ditubuhkan mengikut peraturan itu untuk menyelenggarakan kerja-kerja mengenai Zakat dan Fitrah.<sup>13</sup> Barang siapa yang memperbuat bendang atau huma pada satu musim tidak kurang daripada empat ratus lapan puluh gantang hendaklah membayar zakatnya sebanyak sepuluh peratus daripada jumlah padi yang didapatinya.<sup>14</sup> Zakat itu menurut garis besarnya terbahagi dua : Pertama: Zakat Mal, atau Zakat harta; Zakat emas, perak, binatang, tumbuhan-tumbuhan (buah-buahan dan biji-bijian) dan barang perniagaan. Kedua: Zakat Nafs, yakni

---

<sup>11</sup> Enakmen, s. 68.

<sup>12</sup> Ibid., ss. 72A, 72B, dan 72C.

<sup>13</sup> Enakmen Zakat dan Fitrah 1949., s. 2.

<sup>14</sup> Ibid., s. 9

zakat jiwa yang dinamai juga dengan "Zakatul Fithri" (zakat yang diberi berkenaan dengan telah selesai mengerjakan siyam; puasa yang difardukan). Dinegeri kita ini biasa disebut dengan nama "Fithri".<sup>15</sup>

Disini jelaslah bahawa bayaran zakat itu dikenakan kepada mereka-mereka yang bekerja sebagai penanam padi sahaja. Oleh yang demikian jumlah kutipan zakat dan fitrah adalah tidak besar.<sup>16</sup> Lagi pun sumber pendapatan ini adalah tidak tentu kerana hasil pengeluaran dari tanaman padi ini adalah tidak tetap. Umpamanya jika sesuatu musim itu tanaman padi diserang penyakit atau kerana banjir maka hasil pengeluarannya berkurangan dan ini sebaliknya mengakibatkan jumlah kutipan zakat.

#### JADUAL I

KUTIPAN ZAKAT DAN FITRAH NEGERI PERLIS BAGI TAHUN 1973-1974.

Jenis Kutipan	1973	1974
Zakat	302, 321. 32	458, 402. 97
Fitrah	109, 571. 50	133, 675. 90
Jumlah	411, 892. 82	592, 078. 87

Sumber: Butir-butir ini dipetik dari laporan Tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Perlis bagi tahun 1973 dan 1974.

<sup>15</sup> Prof. T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy, Pedoman Zakat, Cetakan Kedua, Jakarta, Penerbit Bulan Bintang, 1967, m.s.6

<sup>16</sup> Rujuk kepada Jadual I



Catitan: Tambahan jumlah kutipan yang banyak pada tahun 1974 adalah disebabkan zakat dikenakan dua kali setahun disetengah-setengah kawasan.

Untuk menambahkan kutipan ini maka adalah dicadangkan supaya jawatankuasa yang berkenaan membuat peraturan-peraturan yang serupa untuk mengenakan bayaran zakat keatas barang-barang lain mengikut hukum syarak. Barang-barang itu adalah a) Emas, b) Perak, c) Tumbuhan (buah-buahan dan biji-bijian) dan d) Barang-barang pernis-gaan.

Pemungutan Khairat.<sup>17</sup>

Ini adalah satu lagi sumber kewangan. Sehingga ini belum lagi dibuat sebarang pemungutan oleh pihak Majlis walaupun kuasa ini telah diberi sejak tahun 1964.<sup>18</sup> Ini adalah disebabkan oleh tiada pegawai-pegawai yang cukup dan berkelayakan untuk menguruskannya. Hanya yang ada ialah wang yang dikutip pada tahun 1972 iaitu kutipan untuk Tabung Ekonomi Islam. Menurut setiausaha, wang ini masih disimpan sebagai simpanan tetap dan jumlahnya tidak berapa banyak. Oleh yang demikian disyorkan supaya pihak Majlis menjalankan pemungutan khairat mengikut peruntukan tersebut. Ini akan dapat menambahkan jumlah modal yang sudah ada dan juga memperbaiki keadaan kewangan Majlis.

---

<sup>17</sup> Enakmen, s. 73.

<sup>18</sup> Tarikh penguatkuasaan Enakmen.

Disamping itu, pihak Majlis boleh melaburkan wang atau modal-modal yang ada ditangan Majlis didalam pelaburan-pelaburan saham yang boleh menguntungkan. Pada masa ini, Majlis hanya menyimpan wang yang ada itu sebagai simpanan tetap dan hanya melabur didalam saham MARA sahaja.<sup>19</sup> Oleh itu aktiviti-aktiviti pelaburan ini patutlah dipergiatkan lagi kerana kuasa untuk berbuat demikian diberi oleh s. 63(4) (a), Enakmen.

JADUAL 2

PELABURAN MODAL OLEH JABATAN UGAMA  
ISLAM BAGI TAHUN 1973 DAN 1974.

JENIS PELABURAN	1973	1974
Simpanan Tetap	57, 000. 00	67, 295. 86
Saham MARA	81, 000. 00	83, 372. 84
JUMLAH	138, 000. 00	150, 668. 70

Sumber: Dibuat berdasarkan butir-butir yang terdapat didalam laporan Tahunan Jabatan.

<sup>19</sup> Untuk keterangan lanjut rujuk kepada Jadual 2.